

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI (IGAN)**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI (IGAN)** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah sekolah di Sarawak yang telah di selenggara kerana ada sekolah-sekolah yang tidak pernah di selenggara langsung termasuk di kawasan Parlimen Igan dan berapa peruntukan Kementerian untuk tujuan berkenaan pada tahun 2018 hingga 2021.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah. Dalam hal ini, KPM telah menyediakan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan sekolah seluruh negara termasuk negeri Sarawak. Peruntukan untuk tujuan penyelenggaraan akan disalurkan berdasarkan kepada permohonan dan susunan keutamaan mengikut tahap kerosakan yang perlu dibaiki.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, bagi tempoh 2018 sehingga 2021, sebanyak 2,429 kerja penyelenggaraan telah dibuat di 857 buah sekolah di seluruh negeri Sarawak dengan peruntukan berjumlah RM183.87 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 buah sekolah dalam Parlimen Igan telah diselenggara dengan peruntukan sebanyak RM2.07 juta.